



NOTIS SEBUTHARGA (TAWARAN TERBUKA)

Sebutharga adalah di pelawa daripada kontraktor-kontraktor dengan pendaftaran masing-masing **yang masih sah laku selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga** bagi kerja-kerja berikut:-

Bil	No.Kontrak	Tajuk Sebutharga	Bidang Pendaftaran & Syarat Kelayakan	Tarikh & Masa Lawatan Tapak	Tarikh Tutup (Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari)
1.	QUO/FA/124/18(E)	Proposed Replacement of 22kW Variable Speed Drive (VSD) & Associated Works at Lone Pine Pump House, DTL, Penang	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - (Maklumat Perniagaan) DAN Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Permit Jenis D (Bekalan Air) DAN Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G1 atau G2 atau G3 Kategori E04 dan E11	07/01/2019 10.00 Pagi, Rumah Pam Lone Pine Lot 1389, Lebu Rambai 14, 11060 Paya Terubong, P.Pinang.	14/01/2019

Lawatan tapak bagi Sebutharga ini adalah mengikut tarikh yang ditetapkan seperti diatas. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai lesen seperti di atas dan berminat hendaklah berkumpul di tempat tersebut di atas. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen sebutharga **tidak akan dijual** pada mana-mana kontraktor **yang gagal menghadiri sesi lawatan tapak dengan sepenuhnya pada hari tersebut**.

Dokumen sebutharga akan mula dijual di Jabatan Perancang dan Pembangunan, L4, ICT, Fasa 1B, Tingkat 4, Kompleks Tun Abdul Razak, Jalan Penang, 10000 Pulau Pinang mulai **08hb Januari 2019** pada waktu pejabat (**9.00 pagi hingga 4.00 petang**). Harga dokumen sebutharga adalah **RM30.00** senaskah dan bayaran harus dibuat dalam bentuk wang tunai atau Bank Deraf atas nama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd. Bayaran untuk setiap dokumen sebutharga akan dikenakan caj GST 0% dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Dokumen sebutharga hanya akan dijual kepada Wakil Kontraktor yang sah. Untuk maksud ini wakil kontraktor hendaklah menghadiri dan membawa **Surat asal Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Surat asal Pendaftaran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **satu salinan fotostatnya** untuk simpanan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

Sebutharga akan ditutup pada **14hb Januari 2019, sebelum jam 12.00 tengahari**. Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar melalui sampul surat yang dimeteri dan ditandakan dengan tajuk sebutharga di sudut sebelah kiri dan dialamatkan kepada:-

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.
L4, ICT, FASA 1B, TINGKAT 4,
KOMTAR, 10000 PULAU PINANG.

Dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perancangan dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. L4, ICT,Fasa 1B, Tingkat 4,Komtar,10000 Pulau Pinang sebelum 12.00tgh.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF